

24/09/2000

Tanda tanya mengenai pertahanan negara

KIAU tak tahu nak kata sama ada Kiau berasa bangga dan yakin atau nak tergelak apabila tengok gambar askar kita kawal pulau-pulau kepunyaan kita di Sabah selepas pulau-pulau itu diceroboh penjenayah asing.

Surat khabar dan televisyen kita banyak siar gambar askar kita yang lengkap dengan senjata berkawal selepas Perdana Menteri dan Kabinet buat arahan supaya kawalan diperketat.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kata pada hari Selasa ketika melawat Sabah yang dia tak puas hati dengan tahap kawalan keselamatan di perairan negeri itu.

Pada keesokan harinya Kabinet bagi arahan kepada pihak tentera supaya tambah anggota di Sabah dan perketat kawalan.

Kalau Kiau atau member Kiau yang lain dalam media tegur, tentu ada orang yang tak suka atau marah. Mereka kata kita ada agenda atau cakap memang mudah.

Tapi logiknya kalaulah pulau-pulau ini dikawal rapi sebelum ini, tentulah penjahat Filipina, penyeludup dan pendatang haram tak masuk keluar sesuka hati.

Tak cukup dengan itu, mereka culik pula orang kita dan pelancong asing jadi tebusan.

Tak cukup satu pencerobohan, mereka ulang kali kedua. Kalau macam itu, salahkah Kiau atau orang lain tanya, apa dah jadi dengan pertahanan dan kawalan keselamatan kita?

Apa dah jadi dengan sifat berjaga-jaga dan bersedia barisan pertahanan kita?

Apa yang kita buat antara kejadian pertama di Pulau Sipadan pada 23 April dengan di Pulau Pandanan 10 September lalu?

Kiau tak kata kawal laut kita yang luas, pantai kita yang panjang dan sempadan kita yang bergunung-ganang kerja senang. Tapi inilah maksud pertahanan. Inilah kerja polis dan tentera.

Kalau bumi dan perairan kita dicabul, rakyat kita dan tetamu kita diculik, muka kita diconteng, tentulah ada pihak yang kena bertanggungjawab. Ini bukan soal nak cari salah. Ini soal kebimbangan yang sangat wajar.

Kita persoal sifat bersedia dan berjaga-jaga pasukan pertahanan dan keselamatan kita bukan pasal nak seronok-seronok. Bukan nak keji atau peleceh mereka.

Kita tidak ada agenda politik. Apa kita dapat dengan kita keji dan caci mereka? Kalau ada agenda pun, agenda kita ialah hendak perkuat pertahanan negara supaya bumi kita tidak diceroboh dan kedaulatan negara kita tidak diperolok.

Jauh sekali bukan tujuan kita perkecil pengorbanan anggota tentera dan polis. Kita tahu banyak daripada mereka berkorban jiwa dan raga pertahan negara.

Pasal itulah kita bagi gelaran perwira dan pahlawan kepada mereka. Pasal itulah kita bina Tugu Kebangsaan untuk bagi penghormatan kepada mereka. Pasal itulah ada bintang Panglima Gagah Berani. Pasal itulah ada Hari Pahlawan.

Tapi tentunya gelaran perwira dan pahlawan tidak bermakna kalau penjahat dan penjenayah boleh ceroboh bumi kita dan cabul kedaulatan kita sesuka hati.

Memanglah kerja anggota polis dan tentera bahaya. Tapi mereka tidaklah

macam orang awam yang hanya ada gigi dan gusi. Anggota tentera dan polis ada senjata untuk pertahan diri. Mereka bukanlah tak berdaya.

Itu pun berlaku juga senjata tentera dan polis kena curi kerana cuai dan kerana ditipu. Lebih sedih lagi senjata yang hilang itu diguna pula oleh penjenayah ke atas orang awam.

Kiau mintalah semua pihak yang kena mengena dengan pertahanan dan keselamatan negara, daripada menteri kepada pemerintah tentera dan pegawai tinggi polis, jangan sensitif sangat dengan pandangan dan kritikan orang ramai.

Apabila mereka buat sesuatu yang baik, kita puji, kita puja. Jarang mereka kata terima kasih. Tapi apabila mereka tak buat sesuatu yang mereka sepatutnya buat, mereka kecil hati apabila ditegur.

Kalau nak sensitif pun biarlah kena pada tempat. Misalnya sensitif mengenai keselamatan negara dan sensitif mengenai harapan rakyat terhadap mereka.

Berfikir dan bertindaklah dengan bijaksana.

(END)